

TINJAUAN MINGGUAN AGM/EGM MSWG

Tempoh 14 hingga 18 April 2025

Berikut adalah AGM/ EGM untuk syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

TINJAUAN RINGKAS

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
14.04.25 (Isnin) 9.30 pagi	Signature International Berhad (EGM)	Syarikat bercadang untuk melaksanakan penyenaraian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham terbitan Signature Alliance Group Berhad (SAG) yang diperbesarkan dalam Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad ("Cadangan Penyenaraian"). Selaras dengan Cadangan Penyenaraian ini, SAG merancang untuk melaksanakan tawaran awam permulaan (<i>initial public offering</i>, IPO) yang melibatkan terbitan awam sebanyak 260 juta saham baharu.
15.04.25 (Selasa) 2.30 petang	Vizione Holdings Berhad (EGM)	Vizione berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pengurangan modal saham terbitan Syarikat berjumlah sehingga RM500 juta ("Cadangan Pengurangan Modal Saham"). Cadangan Pengurangan Modal Saham ini dijangka selesai menjelang Jun 2025, tertakluk pada kelulusan pemegang saham dan pihak berkuasa berkaitan.
16.04.25 (Rabu) 10.00 pagi	OCK Group Berhad (EGM)	OCK telah menandatangani perjanjian pelaburan bersyarat dengan Zelestra dan SPK Asia untuk melabur dalam SPK Asia, serta pengambilalihan pinjaman oleh OCK daripada Zelestra, berdasarkan nilai perusahaan yang dianggarkan berjumlah RM350 juta. Pelaburan yang dicadangkan ini dijangka dapat mengembangkan lagi aset penajaan tenaga solar

		milik Kumpulan OCK, sekali gus berpotensi memberikan pulangan dividen serta membuka peluang baharu untuk Kumpulan pada masa hadapan.
16.04.25 (Rabu) 10.00 pagi	Affin Bank Berhad (AGM)	Affin Bank mencatatkan keuntungan sebelum cukai (PBT) yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2024, iaitu sebanyak RM701 juta (berbanding RM518.3 juta pada tahun kewangan 2023), dengan pertumbuhan 8.1% dalam pinjaman, pembiayaan dan kemudahan kredit. Nisbah CASA (akaun semasa dan akaun simpanan) bank meningkat kepada 30.4% (tahun kewangan 2023: 26.7%) manakala nisbah pinjaman terjejas kasar meningkat sedikit kepada 1.94%. Kemasukan pemegang saham terbesar baharu, iaitu kerajaan negeri Sarawak, dijangka merancakkan lagi aktiviti pinjaman dan pengambilan deposit oleh bank, sekali gus membuka lebih banyak peluang menarik pada masa hadapan.
16.04.25 (Rabu) 10.00 pagi	Citaglobal Berhad (EGM)	Syarikat dan anak syarikatnya, Citaglobal Property Development Sdn Bhd (sebelum ini dikenali sebagai Sinergi Dayang Sdn Bhd), telah menanda tangan perjanjian usaha sama dengan Tree Technologies Sdn Bhd (Tree Technologies) untuk membangunkan sebidang tanah pajakan di Kuantan, Pahang. Tree Technologies memberikan pilihan kepada Sinergi Dayang untuk membeli tanah tersebut dengan harga RM90 juta, yang akan dibayar melalui gabungan Saham Keutamaan Boleh Tukar Tak Boleh Ditebus B (<i>Irredeemable Convertible Preference Share B</i>, ICPS-B) dan wang tunai. Syarikat juga mencadangkan terbitan bonus sehingga 88,067,734 Waran C serta pindaan kepada perlembagaan syarikat bagi membolehkan penerbitan ICPS-B dilaksanakan.
16.04.25 (Rabu) 11.00 pagi	Poh Huat Resources Holdings Berhad (AGM)	Kumpulan mencatatkan peningkatan pendapatan kepada RM475.70 juta pada tahun kewangan 2024, berbanding dengan RM428.11 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh pesanan perabot pejabat yang lebih tinggi daripada operasi di Malaysia, berikutan sentimen perniagaan yang semakin pulih dalam kalangan syarikat-syarikat Amerika Syarikat selepas tempoh yang tidak menentu semasa pandemik.

		Sehubungan itu, keuntungan selepas cukai yang boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat meningkat kepada RM29.36 juta pada tahun kewangan 2024, berbanding dengan RM26.71 juta pada tahun kewangan 2023.
17.04.25 (Khamis) 11.00 pagi	Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad (AGM)	Kumpulan MHB mencatatkan pemulihan kewangan yang kukuh dalam tahun kewangan 2024, dengan pendapatan sebanyak RM3.6 bilion, meningkat 9.1% berbanding tahun sebelumnya. Paling ketara, Kumpulan berjaya meraih keuntungan sebelum cukai sebanyak RM123.3 juta, satu pencapaian yang besar berbanding dengan kerugian berjumlah RM483.1 juta pada tahun kewangan 2023. Walaupun tenaga konvensional masih relevan, Kumpulan kini giat melabur dalam projek tenaga baharu seperti penangkapan karbon, hidrogen dan turbin angin luar pesisir, yang menyokong gabungan tenaga yang lebih seimbang, selaras dengan peralihan tenaga global ke arah sumber yang lebih lestari.

PERKARA PENTING

Syarikat	Perkara/ Isu Penting Untuk Diajukan
Vizione Holdings Berhad (EGM)	Syarikat melaporkan kerugian besar dalam tempoh enam bulan berakhir 30 November 2024, menyebabkan penyusutan ketara daripada keuntungan terkumpul yang berjumlah RM16.3 juta setakat 31 Mei 2024, kepada kerugian terkumpul sebanyak RM520.6 juta pada 30 November 2024. Syarikat menjelaskan bahawa mereka telah mengiktiraf susut nilai berkaitan dengan pelaburan dan pendahuluan dalam anak-anak syarikat yang terjejas, yang disebabkan oleh tempoh pembinaan yang dilanjutkan bagi beberapa projek yang masih berjalan, sekali gus menyebabkan peningkatan kos operasi. (Halaman 2, Pekeliling) a) Sila kemukakan perincian penuh untuk rosot nilai yang diiktiraf, termasuk nama anak syarikat yang terjejas, jumlah rosot nilai yang dicatatkan untuk setiap anak

	syarikat, serta projek pembinaan tertentu yang menyumbang kepada rosot nilai tersebut. b) Berhubung projek pembinaan yang sedang berjalan dan terkesan oleh rosot nilai ini: (i) Apakah kemajuan terkini untuk setiap projek? (ii) Apakah faktor utama yang menyebabkan kelewatan penyiapan? (iii) Apakah jangkaan garis masa dan tarikh siap terkini untuk projek-projek ini? (iv) Apakah strategi mitigasi yang dirancang oleh Lembaga Pengarah untuk mengawal kenaikan kos serta mengurangkan kesan kewangan ke atas Kumpulan?
OCK Group Berhad (EGM)	1. <i>"OCK sebagai pemegang Saham Keutamaan Boleh Ditebus (Redeemable Preference Shares, RPS) milik OCK berhak menerima notis dan menghadiri, tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mana-mana mesyuarat agung SPK Asia."</i> (Halaman 5, Pekeliling) a) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah OCK merancang untuk melindungi haknya memandangkan mereka tidak mempunyai kuasa untuk mempengaruhi pengisytiharan atau pembayaran dividen? b) SPK Asia telah menanggung kos kewangan sebanyak RM18.99 juta berbanding dengan pendapatan sebanyak RM40.59 juta pada tahun kewangan berakhir 2023. Apakah proses penilaian atau ketekunan wajar (<i>due diligence</i>) yang telah dilaksanakan bagi menilai keupayaan SPK untuk membayar dividen? 2. Pada 31 Disember 2024, Kumpulan OCK melaporkan tunai dan kesetaraan tunai sebanyak RM98.92 juta berbanding dengan jumlah pinjaman sebanyak RM685.76 juta. <i>"Pertimbangan pembelian akan dibiayai melalui dana dalaman dan/atau pinjaman bank, yang mana pecahannya hanya akan dapat ditentukan kemudian."</i> (Halaman 10, Pekeliling)

	Sekiranya Pelaburan yang Dicadangkan itu memberikan pulangan di bawah jangkaan dan SPK Asia menengguhkan penebusan RPS, apakah potensi kesannya terhadap aliran tunai dan kedudukan mudah tunai Kumpulan secara keseluruhan? Selain itu, apakah langkah yang boleh diambil oleh OCK dalam situasi ini untuk mendapatkan semula pelaburannya atau mengurangkan risiko kerugian?
Affin Bank Berhad (AGM)	Nisbah kos kepada pendapatan (<i>cost to income</i>, CIR) Affin Bank kekal tinggi pada 76.9% (tahun kewangan 2023: 71.6%). "Efficiency x5" merupakan satu daripada lima Pelan Strategik (<i>Strategic Thrusts</i>, ST) di bawah pelan AX28. Bank menetapkan sasaran untuk menurunkan CIR kepada bawah 53% menjelang tahun 2028. Dalam masa yang sama, Affin Bank merancang untuk menambah bilangan cawangannya daripada 130 pada tahun 2024 kepada 150 menjelang 2025 dan berkemungkinan meningkat kepada 180 menjelang 2028, dengan fokus ke arah pengembangan di Pulau Pinang, Johor, Sabah dan Sarawak. Walaupun pengembangan ini dijangka menyumbang kepada pertumbuhan pinjaman dan pendapatan yuran yang kukuh dalam jangka panjang, CIR mungkin kekal tinggi disebabkan oleh peningkatan kos operasi yang perlu ditanggung pada peringkat awal. a) Memandangkan CIR semasa adalah tinggi pada kadar 76.9%, apakah inisiatif yang sedang dilaksanakan di bawah Pelan Strategik "Efficiency x5" bagi menurunkan kadar ini kepada bawah 53% menjelang tahun kewangan 2028? b) Sejauh manakah sasaran CIR di bawah 53% menjelang 2028 ini dapat dicapai, memandangkan terdapat tekanan kos daripada rancangan pembukaan cawangan baharu serta pelaburan yang berterusan dalam inisiatif digital? c) Melihat trend perbankan digital yang semakin meningkat, apakah rasional di sebalik peluasan rangkaian cawangan fizikal berbanding dengan

	mengoptimumkan atau mendigitalkan operasi yang sedia ada bagi meningkatkan kecekapan?
Poh Huat Resources Holdings Berhad (AGM)	Produk kumpulan direka bentuk secara dalaman dengan menggunakan jenama sendiri atau mengikut spesifikasi pelanggan dan dijual di bawah jenama pelanggan. (Halaman 5, Laporan Tahunan 2024) a) Berapakah peratusan jualan Kumpulan yang dijana daripada produk berjenama sendiri berbanding dengan produk di bawah jenama pelanggan? b) Sekiranya produk berjenama sendiri mampu memberikan margin keuntungan yang lebih tinggi, adakah Kumpulan merancang untuk meningkatkan pengeluaran dan jualan dalam kategori ini?
Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad (AGM)	Melihat tarif dan sekatan yang dikenakan oleh Amerika Syarikat terhadap produk dari China dan banyak negara lain, serta tindak balas peningkatan tarif oleh negara lain, apakah pandangan Lembaga Pengarah terhadap kesan perkembangan ini ke atas projek-projek Kejuruteraan Berat Kumpulan pada masa hadapan?

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas bergantung kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.